



Jeffri bersama rakan memancing ikan baung ekor merah di Sungai Selangor di Bestari Jaya.

BH 29/10/23 ms 9



(Foto Genes Gulitah/BH)

Antara spesies tempatan yang dijumpai dalam perut ikan baung ekor merah yang dibelah.

# River Monster Hunter giat buru baung ekor merah

Spesies pemangsa dikesan membiak dengan pantas, dominasi saluran negara

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Bestari Jaya:** Kebanjiran ikan asing terutama baung ekor merah atau *Asian Redtail Catfish* di Sungai Selangor di sini, menjadikannya ia antara lokasi tumpuan golongan pemancing tegar.

Ini kerana ada dalam kalangan pemancing yang memburu ikan terbahit berhasil memperoleh baung ekor merah yang mempunyai berat lebih 40 kilogram (kg) seekor.

Fenomena ini menunjukkan populasi ikan itu membiak dengan sangat pantas dan dengan saiz sebesar itu, ia menjadi ikan pemangsa yang mengganggu keseluruhan rantaian makanan, malah bersaing untuk ruang dan makanan dengan ikan spesies asli.

Tinjauan *BH* di lokasi tumpuan pemancing di Sungai Selangor baru-baru ini bersama kumpulan pemancing, River Monster Hunter (RMH) yang giat memburu ikan pendatang itu sejak 2018,

**Eksklusif**

mendedahkan jumlah spesies itu terus meningkat, malah mula mendominasi saluran negara ini.

Pengasas RMH, Jeffri Muin, berkata situasi yang membimbangkan itu bukan sahaja diukur melalui angka tangkapan ikan asing yang tinggi, direkodkan sejak 2021, malah kesukaran untuk pemancing dan nelayan darat memperoleh ikan asli.

"Dulu, Sungai Selangor ini terkenal dengan ikan tapah. Namun, kalau kita lihat hari ini, disebabkan pencemaran sungai, dengan air yang keruh dan dominasi ikan asing, ia kini lenyap. Malah, spesies ikan asli lain yang popular di sini seperti ikan baung ekor kuning juga makin sukar ditangkap.

"Hasil tangkapan kami, selain baung ekor merah, adalah patin siam, jelawat siam, malah udang pun sudah jarang sangat dapat (tangkap), jika ada pun di sebelah muara, tapi tidak banyak seperti dulu," katanya kepada *BH*.

Justeru, katanya, kesedaran mengeluarkan ikan asing supaya tidak terus mendominasi perairan tempatan menyebabkan

kumpulan yang dianggotai lebih 200 pemancing dari seluruh negara itu menggerakkan misi memburu baung ekor merah secara agresif dalam setiap aktiviti dijalankan.

**Lebih 10 tan ikan asing dibawa keluar dari Sungai Selangor**

Jeffri berkata, berdasarkan rekod dari 2021 hingga kini, lebih 10 tan ikan asing, terutama baung ekor merah, berjaya dibawa keluar dari Sungai Selangor.

"Pada 2021, berat keseluruhan tangkapan kami adalah 2.8 tan, iaitu kira-kira 88 ekor baung ekor merah. Ini daripada kumpulan kami sahaja belum termasuk yang ditangkap oleh orang tempatan atau kumpulan pemancing lain. Pada 2022, kami dapat tangkap baung ekor merah dengan berat 2.7 tan, iaitu lebih daripada 100 ekor.

"Tahun ini, belum ada rekod penuh tetapi anggaran kami lebih daripada 2021, dijangka lebih 10 tan baung ekor merah dengan berat yang berbeza, daripada yang kecil hingga kepada sebesar 20 hingga 40kg seekor ditangkap," katanya.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan mengenai kepupusan ikan asli jika pembiakan ikan asing ini gagal dikawal dalam kadar segera.

"Anggaran saya, jika ikan asing ini tidak dikawal, ia boleh membiak dengan sangat cepat dengan tumbesaran setahun bo-



Ikan baung ekor merah yang ditangkap ada-mencecah 28kg.

leh capai 14 hingga 15kg dengan berat maksimumnya sekitar 80kg. Paling besar kami pernah tangkap adalah 41.2kg, separuh daripada berat maksimumnya.

"Daripada pengalaman kami mengikuti kajian persampelan bagi mengesan ikan asing ini bersama Jabatan Perikanan pada Mei lalu di Sungai Selangor, kira-kira 35 ekor ikan baung ekor

merah dapat ditangkap dengan cara memasang tajur dalam radius satu kilometer dengan berat ikan paling besar ditangkap adalah 28kg.

"Ini satu jumlah yang banyak untuk radius yang pendek, berikutan itu, kami menganggarakan jumlah ikan asing ini terlalu banyak dalam perairan kita," katanya.